

Program pendidikan ekosistem akuarium di SK Kidurong berjaya



BINTULU: Program Komuniti Pendidikan Mikrobiologi Dalam Ekosistem Akuarium diadakan dengan jayanya untuk murid-murid dan guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Kidurong semalam.

Program anjuran Institut EkoSains Borneo Univer-

INGIN TAHU: Pang (kiri) bertanya sesuatu kepada penganjur pameran sempena Program Komuniti Pendidikan Mikrobiologi Dalam Ekosistem Akuarium di SK Kidurong semalam.

siti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dan SK Kidurong itu bertujuan mendedahkan murid-murid dan guru dengan hidupan akuatik seperti ikan dan sebagainya.

Program itu dibahagikan kepada lima modul iaitu Pelangi Kobis Merah, Eksplorasi Aerodinamik: Projek Kejuruteraan Pesawat, Menganggar Jumlah Pembebasan Gas Amonia, Teknologi Penanaman Tanpa Tanah dan Ekosistem Hidupan Akuatik Dalam Akuarium.

Pameran 'Black Soldier Fly' turut diadakan yang

dikendalikan oleh seorang pakar bidang serangga terabit iaitu Leong Boon Huat, sekali gus mendedahkan murid-murid dengan kitaran hidup serangga.

Perasmian program itu disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Batu Johnny Pang.

Pang berkata, program itu mendedahkan murid-murid dan guru dengan visual menarik dalam usaha meningkatkan pemahaman tentang hidupan akuatik.

"Program ini tidak hanya mengembangkan perbenda-

haraan kata mereka malah menanam nilai-nilai positif seperti menghargai alam semula jadi," katanya berucap pada program tersebut.

Beliau berharap program itu diteruskan bagi menyokong kelestarian akuatik dan memberi impak positif kepada generasi akan datang.

Turut hadir ialah Pengarah IEB UPMKB Dr Syeed Sai-ful Azry Osman Al Edrus, Guru Besar SK Kidurong Abdul Samad Rosli, Ketua Laboratori Biodiversiti Borneo IEB UPMKB Dr Keeren Sundara Rajoo dan Ketua Program Profesor Madya Dr Leong Sui Sien.